

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
[KOTA TINGGI]**

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah kementerian akan memberikan bantuan sara hidup kepada peserta FELCRA bagi meringankan beban pembayaran penyelenggaraan terutamanya kepada peserta FELCRA Sg. Ara dan berapakah nilai yang akan diberikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELCRA menyediakan pembiayaan bantuan sara hidup bulanan kepada peserta-peserta FELCRA yang berada di dalam kategori B40 dan peserta-peserta mempunyai ladang yang sedang ditanam semula.
2. Bagi projek di FELCRA Sungai Ara, kaedah bayaran yang dikenakan adalah berdasarkan keuntungan kasar bulanan. Bayaran keuntungan kasar bulanan ini bermaksud pendapatan kasar projek bagi sesuatu bulan itu ditolak kos operasi dan potongan-potongan wajib terlebih dahulu. Sekiranya projek masih mempunyai lebihan keuntungan selepas tolakan dibuat, maka peserta-peserta akan dibayar lebihan keuntungan tersebut pada bulan berikutnya.
3. Dimaklumkan bahawa, purata bayaran keuntungan kasar yang diterima oleh setiap peserta Sungai Ara adalah sebanyak RM349.41 sebulan. Manakala jumlah sebenar yang telah diterima oleh setiap peserta untuk tempoh lapan (8) bulan adalah RM3,295.27. Sekian, terima kasih.